

KHAMIS

22

11

2018

**BH** VARSITI

bhvarsiti@bh.com.my

36

**KEMBARA**

BriSK Perak tabur bakti di Kampung Bukit Asu

54

**KERJAYA**

Lahir modal insan sektor binaan

56

**PENDAPAT**

PTPTN: Antara teori dan amalan

# GILAP BAKAT CEO MUDA

➔ Mahasiswa perlu miliki kemahiran berkualiti, terkini sebagai persediaan terajui syarikat korporat bertaraf global



Oleh Faizatul Farhana Farush Khan  
ffarhana@bh.com.my

### ► Kuala Lumpur

Setiap mahasiswa perlu memperluaskan diri mereka dengan kemahiran berkualiti dan terkini bagi memastikan mereka berpotensi memegang jawatan terbaik selepas bergraduat terutama sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di syarikat terkemuka.

Universiti tidak sekadar melahirkan pemimpin politik untuk menerajui negara atau mencungkil bakat sebagai pemimpin pelapis masa depan, namun pada masa sama berupaya melahirkan graduan yang mampu memimpin syarikat korporat bertaraf global.

Negara maju dan berdaya saing di dunia ketika ini, sememangnya memiliki dan memerlukan seorang CEO yang mampu menjana pendapatan negara dalam pelbagai sektor perniagaan.

Mengulas isu ini, Ketua Pegawai Komersial Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF) Amanah Investment Bank Berhad (MAIB), Wan Ahmad Satria Wan Hussein, berkata setiap mahasiswa perlu memanfaatkan ilmu yang diajar di universiti bagi membentuk mereka sebagai seorang CEO.

Beliau berkata, setiap graduan perlu sentiasa menerapkan nilai positif dalam diri, personaliti baik, belajar berterusan dan berusaha meluaskan rangkaian hubungan.

Katanya, kemampuan berkomunikasi dengan baik, berani mengeluarkan pendapat yang bernas berdasarkan situasi semasa ekonomi adalah penting bagi menarik pelabur dengan pendekatan dan strategi berkesan.

V32/33



## redaksi

Ketua Pengarang NSTP  
Datuk Yushaimi Yahaya

Pengarang Eksekutif Kanan  
Integrasi NSTP  
Saidon Idris

Pengarang Eksekutif  
Berita Harian (BH)  
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Pengarang Pendidikan  
Fadzlena Jafar

Pengarang Berita Pendidikan:  
Ridzuan Yop

Penolong Pengarang Berita Pendidikan:  
Mohd Zin Mohd Ali

Webmaster Pendidikan:  
Shuhazmir Selamat

Penyunting Eksekutif:  
Muhammad Fakhri Alias  
Rusnita Pechok

Wartawan:  
Nor Azma Laila  
Faizatul Farhana Farush Khan  
Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak

Artis Eksekutif:  
Mohd Hakim Ismail  
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator:  
Khairul Anuar Md Nor (Yon)

E-mel: bhvarsiti.com.my

Pengiklanan  
Tel: 1300226787

Berita Harian  
Tel: 1300226787 samb 5108  
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN  
Jabatan Pengedaran dan Jualan  
Akhbar NSTP 31, Jalan Riong,  
59100 Kuala Lumpur  
Emel: educationNSD@  
mediaprima.com.my  
Samb: 7755  
Tel: 03-2724 8999

E-mel atau surat ke alamat:  
bhvarsiti@bh.com.my atau  
Balai Berita,  
31, Jalan Riong, 59100,  
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan

[FOTO HIASAN]



**Generasi muda** harus diterapkan dengan kemahiran insaniah dan nilai positif supaya mampu menjadi pelapis pemimpin berwibawa.

# Pupuk ciri pemimpin cemerlang

➔ Mahasiswa harus memiliki sikap ingin memajukan diri, semangat tinggi

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan  
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Universiti diumpamakan gedung ilmu yang berperanan sebagai 'pusat latihan' bagi membentuk dan mencorakkan nilai diri generasi muda supaya tampil sebagai individu berkemahiran tinggi.

Kepentingan dan tanggungjawab itu mendorong Universiti Putra Malaysia (UPM), memperkenalkan pelbagai usaha merang-

kumi aspek akademik, kokurikulum dan insaniah bagi memastikan graduan dilahirkan memiliki masa depan cerah.

Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata pengajaran di dalam kelas yang diterapkan di universiti itu menitikberatkan kemahiran kepimpinan, keusahawanan, pembelajaran sepanjang hayat, kerja berkumpulan dan komunikasi.

"UPM menjalin kerjasama erat dengan industri kerana input berterusan daripada pihak terbabit membolehkan universiti menyediakan silibus bersesuaian perkembangan dan kehendak semasa sektor kerjaya, sekali gus melahirkan graduan berpotensi besar serta cemerlang.

"Inisiatif meningkatkan kebolehan mahasiswa turut dijalankan UPM, termasuk menganjurkan aktiviti keusahawanan dan menjemput pakar industri untuk berkongsi rahsia kejayaan, bertujuan meningkatkan kemahiran



Prof Aini



Prof Mohammad Shatar

mereka," katanya.

Prof Aini berkata, di sebalik usaha dijalankan universiti, mahasiswa secara peribadi harus memiliki sikap ingin memajukan diri, bersemangat tinggi, mempunyai matlamat jelas, rajin, mengamalkan nilai positif dan bergiat aktif dalam kokurikulum untuk mencapai kejayaan.

"Mereka perlu mempertingkatkan kemahiran berkomunikasi dan bekerja dalam kumpulan kerana ini adalah teras asas dalam membentuk sifat keusahawanan serta kepimpinan pada masa depan," katanya.

### Lahir graduan

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata memandang senario industri pekerjaan sudah berubah, berbanding 30 tahun lalu, majikan kini mencari pekerja dipenuhi kecemerlangan akademik, kokurikulum, insaniah dan

kemahiran menyeluruh.

Bagi membantu mahasiswa tampil sebagai pilihan majikan, katanya, UPSI memperkenalkan program kemahiran bersijil yang boleh diikuti sebagai kursus tambahan, selain menyarankan mereka menguasai sekurang-kurangnya tiga bahasa, bagi mengukuhkan resume apabila bergelar graduan.

Matlamat UPSI, katanya, mahu melahirkan graduan seimbang, termasuk aspek keusahawanan kerana kemahiran itu menjadikan individu bernilai tinggi.

"Bersesuaian tema universiti 'Melahirkan Graduan Berciri 2A', iaitu Akademik dan Akhlak, UPSI sentiasa melaksanakan usaha yang mampu merealisasikan hasrat itu.

"Saya juga kerap mengingatkan kepada mahasiswa baharu bahawa dunia sudah berubah, justeru mereka mempunyai masa sepanjang pengajian untuk memupuk nilai dan ciri kepimpinan," katanya.



# Mahasiswa bakal terajui sektor korporat

**Kuala Lumpur:** Menyadari usaha melahirkan pelapis pemimpin masa depan yang berkaliber dan berkemahiran tinggi harus dipergiatkan secara meluas, Axiata Group Berhad (Axiata) berbesar hati menganjurkan program kepimpinan dalam kalangan generasi muda.

Komitmen dan inisiatif organisasi korporat itu dapat dilihat melalui Program Bakat Muda Axiata (AYTP) yang diperkenalkan organisasi terbabit sejak 2011.

Pengarah Urusan merangkap Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Axiata, Tan Sri Jamaludin Ibrahim, berkata program itu bertujuan melahirkan barisan pemimpin dan ketua industri yang berkebolehan besar serta cemerlang bagi menyumbang ke arah pembangunan negara pada masa depan.

Beliau berkata, Axiata memperuntukkan RM100

juta di bawah tabung yayasan syarikat ini bagi merealisasikan pelaksanaan AYTP.

“Pelaksanaan ini dibuat dalam bentuk pemberian biasiswa dan aktiviti pembangunan bakat kepimpinan kepada 400 pelajar sepanjang tempoh 10 tahun yang disasarkan, membabitkan golongan seawal usia 13 tahun, mahasiswa hingga lepasan universiti,” katanya.

Jamaludin berkata, semua peserta terpilih dalam AYTP akan menjalani latihan secara menyeluruh bagi membolehkan mereka memiliki keseimbangan antara pencapaian akademik dan pembangunan sahsiah.

### Individu berpotensi

Katanya, AYTP yang dilaksanakan secara holistik itu menekankan kepada kepelbagaian aktiviti bermanfaat dengan berteraskan lima kompetensi iaitu sikap, kepemimpinan, komuni-



[FOTO HIASAN]

**Program YCDP dianjurkan Axiata** adalah usaha baik dalam melahirkan generasi berbakat, berkeyakinan dan berpotensi besar sebagai pemimpin.

kasi, kemahiran berfikir secara kritis dan kreativiti.

Ditanya aktiviti dilaksanakan di bawah AYTP yang bersesuaian peringkat institusi pengajian tinggi, Jamaludin berkata, Axiata mewujudkan Young CEO Development Programme (YCDP) khusus kepada individu baharu memulakan kerjaya profesional, graduan dan mahasiswa mengikuti latihan untuk tampil sebagai bakal CEO berkebolehan.

Beliau berkata, YCDP menyaksikan individu

berusia antara 20 hingga 25 tahun memiliki pelbagai latar belakang akademik dan sosial dipilih untuk menyertai program berkenaan.

Katanya, program itu memerlukan peserta menjalani latihan selama tiga tahun, bertujuan membentuk individu berpotensi tinggi yang mempunyai kemahiran kritikal dan kepakaran dalam bidang perniagaan.

Jamaludin berkata, kemahiran diterapkan itu membabitkan 3C iaitu

Communication (komunikasi), Critical Thinking (pemikiran kritikal) dan Creativity (kreativiti), selain sikap positif, kecerdasan emosi (EQ) serta kemahiran perniagaan yang diperlukan dalam memimpin syarikat korporat pada masa depan.

Peserta, katanya, juga disediakan modul merangkumi bengkel kemahiran kritikal, bengkel kepakaran perniagaan, simulasi perniagaan, pembelajaran atas talian, ‘coaching and mentoring’ dan penilaian 360 darjah.

“Axiata turut mengadakan Cabaran Perniagaan Serantau di bawah YCDP selama 12 minggu membabitkan enam kumpulan yang perlu melaksanakan tugas dan misi, seperti ‘terbang’ ke Nepal dan Thailand bagi meninjau pasaran perniagaan serta keperluan ekonomi masyarakat di negara terbabit.

“Hasil tinjauan ini memerlukan setiap kumpulan mencipta aplikasi bagi memberi manfaat kepada sektor perniagaan di sana,” katanya.

# Terapkan nilai positif, luaskan rangkaian hubungan

← Dari V31

Selain itu, Wan Ahmad Satria berkata, kemampuan mahasiswa berkomunikasi dan menulis dengan lancar dalam bahasa Inggeris akan membantu mereka menjadi individu lebih berdaya saing, berkeyakinan dan memperoleh peluang kerjaya meluas.

Beliau yang memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, berkata ungkapan berkenaan turut diberikan pensyarahnya ketika beliau melanjutkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) lebih 30 tahun lalu.

“Semasa saya bergelar mahasiswa selama empat tahun sehingga 1987, saya dan rakan kelas ditekankan dengan kepentingan menguasai bahasa Inggeris, umpama kemahiran

ini adalah ‘kunci’ menuju kejayaan.

“Barisan pensyarah muda ketika itu mengajar kami dengan gigih, malah ada mahasiswa berasal dari kawasan luar bandar yang tidak mampu menguasai bahasa Inggeris, diajar sehingga boleh bertutur dan menulis dengan lancar.

“Selepas bergraduasi, baharu saya nampak bagaimana kemampuan berbahasa Inggeris menyediakan laluan mudah dan membantu saya bersaing untuk menceburi kerjaya pertama dalam bidang pengiklanan diikuti perbankan, sehingga jawatan terkini,” katanya.

Antara tanggungjawab beliau di MAIB, termasuk menguruskan pelaburan, pasaran stok, perbankan pelaburan korporat, selain menawarkan khidmat



Wan Ahmad Satria

nasihat kepada pelanggan berhubung penyenggaraan syarikat di bursa saham.

Beliau berkata, graduan juga harus merendah diri supaya senang didekati, disenangi serta mudah memperoleh peluang kerjaya.

### Kemahiran insaniah

Sementara itu, CEO Persekutuan Pemain Bola Sepak Profesional Malaysia (PFAM), Izham Ismail, 30, berkata pembabitan aktif



Izham

mahasiswa di universiti membantu meningkatkan kemahiran insaniah dan menawarkan peluang untuk berinteraksi dengan banyak pihak, sekali gus meningkatkan keyakinan diri.

Berkongsi pengalamannya memegang jawatan sebagai Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di Universiti Malaya (UM) beliau menyifatkannya sebagai pendorong yang

membentuknya lebih bertanggungjawab, prihatin, bertolak ansur, teliti dan mampu bekerja secara berkumpulan.

Izham yang menuntut dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, berkata memandangkan tanggungjawab dipikul memerlukan berurusan dengan 40 ahli MPP pada satu masa, beliau harus mendengar idea setiap seorang berhubung usul yang dibangkitkan, sebelum mengemukakan kepada pengurusan atasan universiti.

“Sebagai mahasiswa undang-undang saya memang diterapkan dengan elemen keyakinan dan keberanian berhujah, jadi pembabitan dalam badan pelajar dan aktiviti kampus menambahkan potensi diri.

“Kemahiran dan pen-

galaman diraih ketika belajar universiti banyak membantu saya memenuhi kriteria sebagai CEO di PFAM,” katanya.

Nasihat dan saranannya kepada graduan, Izham berkata, walaupun sudah melangkah keluar dari universiti, mereka harus memiliki dua elemen, iaitu kesungguhan dalam apa sahaja dilakukan dan rajin membaca.

Jelasnya, biarpun sibuk melaksanakan tanggungjawab dan urusan, beliau sendiri tetap menyelitkan aktiviti membaca dalam jadual harian.

Universiti, katanya, sudah menyediakan platform terbaik untuk memupuk bakat mahasiswa, justeru graduan sendiri perlu berusaha meningkatkan kebolehan supaya tampil menjadi individu berkemahiran tinggi.